

11 JUN 2002

MIGHT-MYANMAR/I

SEMINAR RANGKAIAN PERKONGSIAN MIGHT BAGI PERTINGKAT HUBUNGAN LEBIH RAPAT

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) akan menganjurkan seminar Rangkaian Perkongsian Teknologi Serantau dari 19-21 Ogos di Yangon, Myanmar.

Tujuan seminar itu adalah untuk mempertingkatkan lagi kerjasama teknologi dan ekonomi di antara Malaysia dan Myanmar.

Fokusnya adalah kepada pembangunan infrastruktur Bandaraya Yangon dan pembabitan MIGHT adalah bagi menyokong peluang-peluang perniagaan bagi Malaysia dan Myanmar, kata pengerusi bersama (Kerajaan) MIGHT, Tan Sri Dr Ahmad Zaharuddin Idrus.

Bercakap pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan ketujuh MIGHT di sini hari ini, Dr Ahmad Zaharudin berkata rangkaian perkongsian itu dibangunkan sebahagiannya dengan pandangan untuk meningkatkan perkongsian di dalam Asia dan khususnya negara-negara anggota Asean.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap pada seminar itu.

Dr Ahmad Zaharudin, yang juga penasihat sains kepada Perdana Menteri, berkata seminar di Myanmar itu juga akan dibantu oleh Institut Sultan Iskandar (ISI) Universiti Teknologi Malaysia yang berkepakaran mengenai bangunan-bangunan tinggi dan pembangunan bandar.

Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, pengerusi bersama (industri) MIGHT, berkata terdapat bidang-bidang baru yang MIGHT perlu tumpukan seperti telekomunikasi, teknologi marin dan luar pantai, pengangkutan laut, penerbangan awam, pengeluaran maju dan industri automotif.

Katanya Kumpulan Kepentingan MIGHT (MIG) telah dibentuk di bidang-bidang itu bagi industri-industri yang berkaitan dengan kerja secara kolektif untuk menyelesaikan masalah-masalah dan mengenal pasti cabaran-cabaran di hadapan.

Sebagai contoh, katanya, industri automotif nasional akan menghadapi cabaran yang sengit daripada pesaing-pesaing di dalam dan di luar rantau ini dengan kemunculan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) tahun depan.

Katanya pembekal-pembekal bersaiz kecil dan sederhana, yang membekal komponen-komponen kepada projek-projek kereta nasional, akan terpaksa melihat cara-cara bagi memastikan daya maju dan daya saing mereka dalam pasaran yang bebas.

"Di dalam sektor itu, kita mempunyai perkumpulan di sana dan pengeluar-pengeluar dan pembekal-pembekal komponen boleh bertindak sebagai satu kumpulan perindustrian untuk mengkaji cabaran-cabaran dan bagaimana mempunyai tindakan dasar yang perlu diambil oleh kerajaan," katanya.

Dr Ahmad Tajuddin juga berkata bahawa Institut Pembuatan Maju (AMI) akan beroperasi Julai dan akan menawarkan kursus-kursus khas seperti robotik bagi pekerja-pekerja perindustrian.

MIGHT, sebuah pertubuhan bukan mencari untung, ditubuhkan pada 1993 untuk menggalakkan teknologi tinggi kepada industri tempatan.-- BERNAMA

DC KTC OS